

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]
TARIKH : 23.10.2019 (RABU)
SOALAN : 19

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah projek pembangunan luar bandar yang sudah diluluskan untuk Sabah dan Sarawak sepanjang menerajui Kementerian sehingga bulan September 2019, dan pecahan mengikut kategori projek-projek kecil luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang menerajui Kementerian ini bermula dari bulan Mei 2018 sehinggalah 30 September 2019 sejumlah RM3.50 billion peruntukan pembangunan telah diluluskan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.
2. Bagi negeri Sabah, pada tahun 2018 sahaja sejumlah RM970.39 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 90 program/projek bagi manfaat masyarakat luar bandar Sabah. Manakala, bagi tahun 2019 pula, sejumlah 127 program/projek telah diluluskan melibatkan 29 program/projek baru dan 98 program/projek sambungan dengan peruntukan berjumlah RM1.09 billion.
3. Untuk negeri Sarawak pula, sejumlah 84 program/projek telah diluluskan pada tahun 2018 melibatkan peruntukan berjumlah RM756.18 juta. Pada tahun ini pula, terdapat 109 program/projek

NO. SOALAN: 19

telah diluluskan melibatkan 25 program/projek baru dan 84 projek sambungan dengan peruntukan berjumlah RM690.89 juta.

4. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, bagi projek-projek kecil di bawah Kementerian ini yang melibatkan Program Jalan Perhubungan Desa (JPD), Program Ameniti Sosial (PAMS) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sejumlah RM383.60 juta telah diperuntukkan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dari tahun 2018 sehingga 30 September 2019.
5. Jumlah peruntukan yang diluluskan untuk Program Jalan Perhubungan Desa (JPD), Program Ameniti Sosial (PAMS) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) pada tahun 2018 bagi negeri Sabah adalah sebanyak RM129.71 juta dan sebanyak RM92.00 juta bagi tahun 2019. Bagi Negeri Sarawak, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi ketiga-tiga program/projek tersebut adalah sebanyak RM77.90 juta bagi tahun 2019 dan RM84.00 juta bagi tahun 2019.
6. Sukacita ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jumlah peratusan peruntukan Pembangunan yang diluluskan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 2018 dan 2019 adalah melebihi separuh daripada peruntukan Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

